

Mesir mungkin, daripada apa yang kita lihat, akan dikeluarkan lagi daripada Yaman sehingga umat Yaman yang yang menentang hpus, hpus daripada dunia ini.

Perwakilan kerajaan Sa‘udiyyah ‘Arabiyyah di dalam Majlis Bangsa-bangsa Bersatu telah menyampaikan bahawa lebih daripada 100,000 umat Yaman, di kampung-kampung yang telah terbunuh oleh askar-askar Mesir dalam pengebomannya tetapi malangnya dunia tidak mengendahkan soal-soal ini, malangnya dunia tidak melihat soal-soal ini bagaimana pembunuhan yang dilakukan terhadap kepada umat Islam yang dilakukan oleh suatu umat yang mengatakan dirinya sendiri beragama Islam.

Adakah ini kerana di dalam dunia-dunia luar yang bersifat Kristian lebih mengutamakan Kristian dan senghaja hendak melumpuhkan kedudukan Islam? Ini menjadi suatu pertanyaan, apa lagi kalau hal ini kita bandingkan dengan keadaan di Vietnam - kerana di Vietnam masih banyak *missionary-missionary* Kristian yang berpengaruh yang berada di sana bersama-sama berganding bahu dengan orang-orang Buddha yang menjadi penduduk yang banyak di situ.

Beginilah nasibnya negara-negara Islam pada mata dunia *international*. Beginilah kedudukannya kalau peristiwa-peristiwa terjadi di negara-negara Islam tidak ada campuran dunia *international* yang wajar yang untuk menyelamatkan manusia-manusia Islam itu daripada pembunuhan-pembunuhan yang tidak wajar dilakukan terhadap kepada mereka. Inilah contohnya dan inilah yang patut diperhatikan oleh seluruh umat Islam yang sedar yang menghendaki supaya persaudaraan

Islam dibina dengan sebaik-baiknya.

* * *

Lagi Mengapa?

Di dalam Kongres Bahasa yang pertama yang diadakan di Singapura yang menelurkan “Dewan Bahasa dan Pustaka” telah diambil suatu keputusan supaya tulisan Rumi dan Jawi dialirkан bersama-sama di dalam usaha-usaha mengembangkan Bahasa Melayu. Kementerian Pelajaran Persekutuan berjanji akan melaksanakan semua keputusan-keputusan itu.

Melihat kepada perkembangan ini, di dalam perkembangan Bahasa Melayu yang berjalan sekarang, terutamanya yang dijalankan oleh usaha-usaha kerajaan seperti penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka maka hampir-hampir tulisan-tulisan Jawi tidak lagi dikembangkan dan tidak lagi menjadi siaran yang utama, atau pun diusahakan dikembangkan dengan sebaik-baiknya kerana selain daripada buku-buku bacaan Jawi (bacaan sekolah rendah) dan buku pelajaran agama, sepanjang yang kita ketahui, tidak ada disiarkan siaran-siaran dengan huruf Jawi. Kalau ada pun siaran kerajaan seperti siaran-siaran Jabatan Maklumat hanya majalah-majalahnya sahaja. Ini tidak bermakna bahawa usaha mengembangkan tulisan Jawi itu ada dijalankan dan diusahakan dengan luasnya.

Dengan keadaan yang serupa ini, kita melihat bahawa kesulitan-kesulitan yang dihadapi pada masa sekarang ialah anak-anak muda yang baharu timbul, terutamanya di bandar-bandar dan yang bersekolah di sekolah Inggeris, tidak dapat lagi membaca huruf Jawi sekalipun ada

rangka atau dasar kerajaan Malaysia menyuruh mempelajari huruf Jawi.

Suruhan berjalan tetapi galakan tidak ada – bermakna dengan tidak disedari bahawa lama kelamaan huruf Jawi akan terbunuh dan dengan sendirinya juga pengaruh agama akan terbenam sama kerana umumnya buku-buku yang berbau agama pada masa-masa yang telah lalu di Tanah Air kita ini ditulis dengan huruf Jawi. Dan untuk mempelajari agama dengan mendalam, huruf-huruf Jawi itulah yang lebih dalam perkembangannya.

Melihat kepada perkembangan ini juga maka apabila di Malaysia Barat bahasa Melayu telah menjadi bahasa rasmi sebagai bahasa kebangsaan pada bulan September 1967 ini maka kita berharap patutlah sekarang dimulakan suatu langkah oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menyusun hal-hal yang mengenai dengan pelajaran jawi, menetapkan dan menyusun hejaan-hejaan Jawi dan seterusnya kerana pada masa ini hejaan-hejaan itu pun di antara satu dengan lain tidak sama.

Harapan kita, selagi di dalam perlombagaan agama Islam agama rasmi Malaysia maka dengan sendirinya huruf Jawi, huruf yang dahulunya berdaulat di Tanah Air kita ini mestilah dihidupkan semula dan didaulatkan.

* * *

Keadaan di Timur Tengah

Peristiwa pertentangan di antara Syria dan Israel di dalam mana telah berlaku perjuangan-perjuangan kecil di antara kedua-dua pihak, dengan